



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**HUBUNGAN ANTARA SOSIALISASI DENGAN BUDAYA POLITIK
KELAS MENEGAH MELAYU DI SHAH ALAM, SELANGOR DARUL
EHSAN**

WAN ARIFFIN BIN HAJI WAN AHMAD.

FEM 2005 1

**HUBUNGAN ANTARA SOSIALISASI DENGAN BUDAYA POLITIK KELAS
MENENGAH MELAYU DI SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN**

Oleh

WAN ARIFFIN BIN HAJI WAN AHMAD

**Tesis ini disediakan bagi memenuhi keperluan untuk Ph.D
Di Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia**

Disember 2005



Kepada isteriku

Rosema binti Hussain

Anak-Anak ku yang disayangi

Wan Faiq Amsyar

Wan Aiman Khadija

Wan Raina Sofea



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

HUBUNGAN ANTARA SOSIALISASI DENGAN BUDAYA POLITIK KELAS MENENGAH MELAYU DI SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN

Oleh

WAN ARIFFIN BIN HAJI WAN AHMAD

Disember 2005

Pengerusi: Profesor Jayum A. Jawan, PhD

Fakulti: Ekologi Manusia

Sosialisasi dan budaya politik merupakan satu bidang yang begitu menarik perhatian para sarjana politik. Sosialisasi politik pada asasnya merupakan proses pengasuhan, pengajaran dan pemindahan nilai-nilai, lambang-lambang dan perlakuan politik yang tertentu dari satu generasi kepada generasi yang berikutnya. Proses pemindahan ini boleh berlaku sama ada oleh agen primer dan agen sekunder. Agen primer adalah terdiri daripada keluarga iaitu orang yang paling hampir dengan seseorang itu. Selain daripada itu agen sekunder juga penting dalam proses sosialisasi ini. Agen-agen itu ialah sekolah, persekitaran kerja dan media massa.

Agen-agen sosialisasi berperanan mengikut peringkat-peringkat yang tertentu. Pada peringkat awalnya seseorang itu di dedahkan kepada agen-agen primer kemudiannya diperkuatkan oleh agen-agen sekunder apabila semakin dewasa. Dapatan kajian menunjukkan bagi kelas menengah Melayu di Shah Alam Selangor Darul Ehsan tiada satu agen yang dominan dalam semua keadaan. Agen-agen berkenaan saling



pengaruh mempengaruhi dan saling lengkap melengkapi antara satu sama lain dalam mensosialisasikan seseorang itu.

Budaya politik pada asasnya banyak dipengaruhi oleh proses sosialisasi yang telah dilalui oleh seseorang itu. Di dalam kebanyakan kes, jika proses sosialisasi yang telah dilalui adalah tinggi, kebiasaannya corak budaya politik adalah bersifat peserta, di mana masyarakat akan mengambil tahu terhadap isu-isu dan perkara-perkara politik yang terjadi atau berlaku disekeliling mereka. Jika sosialisasi politik yang dilalui adalah bersifat sederhana, maka budaya politik kebiasaannya adalah bersifat tertakluk peserta yang bermakna kepekaan masyarakat kepada lambang-lambang, nilai dan struktur politik adalah sederhana dan mereka hanya akan mengambil tahu mengenai isu-isu politik yang berkaitan dengan mereka semata-mata. Sebaliknya jika, sosialisasi yang dilalui oleh seorang itu adalah rendah, kebiasaanya budaya politik adalah bersifat tertakluk iaitu sifat yang pasif terhadap nilai, lambang-lambang dan struktur politik yang ada disekeliling mereka. Dalam hal ini, pada umumnya sifat budaya politik kelas menengah Melayu di Shah Alam, Selangor Darul Ehsan adalah bersifat tertakluk-peserta yang mana mereka akan mengambil tahu sebahagian daripada isu-isu, nilai dan struktur politik yang ada disekeliling mereka.

Dapatkan kajian juga menunjukkan bahawa responden yang telah melalui proses sosialisasi yang tinggi, kebiasaanya kecenderungan untuk mereka terlibat dengan politik adalah lebih tinggi berbanding dengan mereka yang mengalami proses sosialisasi politik yang rendah.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment
of the requirements for the degree of Doctor of Philosophy

**THE RELATIONSHIP BETWEEN POLITICAL SOCIALIZATION AND
CULTURE AMONG MIDDLE CLASS MALAY OF SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN**

By

WAN ARIFFIN BIN HAJI WAN AHMAD

December 2005

Chairman: Profesor Jayum A. Jawan, PhD

Faculty: Human Ecology

Political socialization and culture is a field of study that continues to captivate scholars of politics. Political socialization is basically a process of teaching, learning and transferring of values, symbols and certain pattern of political behaviour from one generation to the next. The process occurs through both the primary as well as the secondary agents. Primary agents are comprised of family members or someone who is close to the individual. Secondary agents are also equally important in this socialization process. The latter comprises the school and the work environment as well as the mass media.

Various socialization agents play an important role in their respective stages. In an individual's early development, he or she is first exposed to the primary agents. As an individual grows, his or her view will be reinforced by secondary agents. Among the Malay middle class of Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, the study showed that

there is no particular agent that really dominant in all situations. All the agents are competing as well as complementing each other.

Basically, the political culture of an individual is to a great extend influenced by the process of socialization that the individual went through. In most cases, where the socialization process has been intense(high), the pattern of political culture for such an individual tended to be of “participant” type where the individual will show concern for political issues as well as other issues that matter to him or her. If however, the individual has merely moderately gone through the socialization process, then his or her political outlook tended to be “subject” oriented. This means that his or her orientation is basically confined to knowing those political issues that are only relevant to him or her and nothing more. Alternatively, if the process had been low for the individual, he or she then would tend to develop a passive political outlook towards political values, symbols and structure. In this matter, the political culture of the middle class Malay of Shah Alam are more politically motivated, whereby they will either participate in the political process or take a more concerned approach to issues, values and political structure that surround them. Political culture is apparently passive towards values, symbols and political structure around them. In this matter, generally the political culture of middle class Malay in Shah Alam are more “participant” type whereby they will participate or concern only on certain issues, values and political structure around them.

The findings of the study showed that respondents who had gone through intense process of socialization are more inclined towards participating in the political process than those who had moderately gone through similar socialization process.

PENGHARGAAN

Sepanjang tempoh pengajian ini, penghargaan yang teramat sangat saya ingin tujukan kepada isteri tersayang Puan Rosema Hussain yang sentiasa memberi sokongan walaupun dalam kesibukan tugas sebagai seorang pendidik dan ibu kepada tiga orang anak. Buat anak-anak “Daddy”, Wan Faiq Amsyar, Wan Aiman Khadija dan Wan Raina Sofea sesungguhnya kehadiran mereka dalam hidup ini memberi erti yang cukup bermakna. Jadikanlah kejayaan “Daddy” sebagai satu perangsang untuk berjaya dalam hidup. Buat kedua ibu bapa ku yang amat disayangi Hajjah Aminah bt Bharu dan Haji Wan Ahmad Haji Wan Abd.Rahman, kejayaan ini sesungguhnya cukup bermakna buat mereka. Walaupun dibelenggui dengan kemiskinan namun kesedaran untuk memberi pelajaran pada anak-anak menjadi keutamaan. Pengorbanan ibu bapaku sebenarnya tidak terbalas. Kejayaan ini setidak-tidaknya menjadi bukti bahawa walaupun kita miskin tetapi jika terus berusaha serta berkat doa kedua ibu bapa, kita mampu mencapainya. Buat ibu dan ayahku tersayang tesis ini didedikasikan.

Penghargaan ini juga ditujukan khas buat Pengerusi Ahli Jawatankuasa Penyelia saya, Prof Dr. Jayum Anak Jawan, Ahli-Ahli Jawatankuasa Penyelia Prof Madya Dr.Zaid Ahmad dan Prof Madya Dr.Mohammad Agus Yussoff dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Saya amat-amat menghargai kesabaran dan keprihatinan mereka yang tidak pernah jemu-jemu dalam memberi bimbingan, nasihat, bantuan, galakan serta tunjuk ajar yang tidak ternilai kepada saya sepanjang pengajian ini. Saya amat terhutang budi kepada mereka semua. Penghargaan terima kasih juga pada En.Nawi Abdullah, Pensyarah Fakulti Ekonomi,Universiti Malaya dan Superitenden Razali Adam, Ibu Pejabat Polis Shah Alam serta semua responden dalam semua perkara yang membantu menjayakan kajian ini.

JADUAL KANDUNGAN

| | Halaman |
|--|----------------|
| DEDIKASI | 3 |
| ABSTRAK | 4 |
| ABSTRACT | 6 |
| PENGHARGAAN | 8 |
| LEMBARAN PENGESAHAN | 9 |
| PERAKUAN | 11 |
| SENARAI JADUAL | 15 |
| SENARAI RAJAH | 19 |
| SENARAI SINGKATAN PERKATAAN | 20 |
| BAB | |
| I PENDAHULUAN | 21 |
| 1.1 Pengenalan | 21 |
| 1.2 Permasalahan Kajian | 26 |
| 1.3 Objektif Kajian | 36 |
| 1.4 Model Kajian | 37 |
| 1.5 Kepentingan Kajian | 41 |
| 1.6 Kaedah Penyelidikan | 43 |
| 1.7 Kajian-Kajian Lepas | 51 |
| 1.8 Latar Belakang Tempat Kajian | 62 |
| 1.8.1 Perkembangan Shah Alam, Selangor Darul Ehsan | 64 |
| 1.8.2 Penduduk dan Jumlah Hasil | 65 |
| 1.8.3 Pembangunan dan Kemudahan di Shah Alam | 65 |
| 1.8.4 Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) | 71 |
| 1.8.5 Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) | 73 |
| 1.9 Organisasi Kajian | 74 |
| 2 PENJELASAN KONSEP KAJIAN | 77 |
| 2.1 Pengenalan | 77 |
| 2.2 Konsep Kelas Menengah | 77 |
| 2.3 Sosialisasi Politik | 87 |
| 2.4 Budaya Politik | 107 |
| 2.5 Rumusan | 124 |
| 3 KELAS MENENGAH MELAYU DI MALAYSIA | 126 |
| 3.1 Pengenalan | 126 |
| 3.2 Kelas Menengah Melayu Tradisional | 127 |
| 3.3 Kelas Menengah Melayu di Zaman Kolonial | 132 |
| 3.4 Kelas Menengah Melayu Selepas Kemerdekaan | 138 |
| 3.5 Rumusan | 154 |

| | | |
|----------|---|------------|
| 4 | KELAS MENENGAH MELAYU DI SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN: SOSIALISASI, BUDAYA DAN PENYERTAAN POLITIK | 157 |
| 4.1 | Pengenalan | 157 |
| 4.2 | Latar Belakang Responden | 158 |
| 4.2.1 | Sektor Pekerjaan | 158 |
| 4.2.2 | Pendapatan Responden | 161 |
| 4.2.3 | Jantina dan Umur | 162 |
| 4.2.4 | Negeri Asal | 163 |
| 4.2.5 | Kelulusan Akademik | 165 |
| 4.2.6 | Taraf Perkahwinan | 168 |
| 4.3 | Kediaman dan Kelengkapan Rumah | 169 |
| 4.4 | Keahlian Parti | 171 |
| 4.5 | Dimensi Masa Lampau Respoden | 172 |
| 4.5.1 | Penglibatan Ibu Bapa Di Dalam Politik | 180 |
| 4.6 | Persekutaran Pembelajaran | 189 |
| 4.6.1 | Lokasi Sekolah Menengah Responden | 200 |
| 4.6.2 | Jawatan Pernah di sandang Sewaktu Bersekolah | 201 |
| 4.7 | Persekutaran Pekerjaan | 204 |
| 4.8 | Peranan Media Dalam Mensosialisasikan Kelas Menengah Melayu Di Shah Alam Selangor Darul Ehsan | 209 |
| 4.9 | Orientasi Penilaian | 218 |
| 4.9.1 | Penilaian Responden Terhadap Sistem Perlembagaan Malaysia | 220 |
| 4.9.2 | Penilaian Responden Terhadap Corak Kerajaan Dan Politik Malaysia | 221 |
| 4.9.3 | Penilaian Terhadap Jentera Pentadbiran Kerajaan | 223 |
| 4.9.4 | Sistem Ekonomi Malaysia | 224 |
| 4.9.5 | Polisi-Polisi Ekonomi Kerajaan | 225 |
| 4.9.6 | Dasar Ekonomi Baru (DEB) Untuk Membasmi Kemiskinan Dan Menyusun Semula Masyarakat | 226 |
| 4.9.7 | Sistem dan Dasar Pendidikan | 228 |
| 4.9.8 | Kestabilan Politik | 230 |
| 4.9.9 | Kebebasan Beragama | 231 |
| 4.9.10 | Hak Dan Kebebasan Individu | 233 |
| 4.10 | Orientasi Pengetahuan | 234 |
| 4.10.1 | Mendengar Ceramah Politik | 236 |
| 4.10.2 | Mendengar Kaset/CD Politik | 237 |
| 4.10.3 | Mendapat Pengetahuan Politik Melalui Perhimpunan Politik | 239 |
| 4.10.4 | Kekerapan Menghadiri Persidangan/ Seminar Politik | 240 |
| 4.10.5 | Kekerapan Mendengar Berita | 241 |
| 4.10.6 | Kekerapan Membaca Akhbar | 243 |
| 4.10.7 | Kekerapan Membaca Akhbar-Akhbar Politik Parti | 245 |
| 4.10.8 | Kekerapan Melawat Laman Web Parti Politik | 247 |

| | | |
|------------------------|--|------------|
| 4.10.9 | Kesungguhan Untuk Mendapatkan Maklumat Politik | 248 |
| 4.11 | Keterlibatan Dalam Kegiatan Politik Diperingkat Cawangan dan Pusat | 250 |
| 4.12 | Penglibatan Dalam Politik | 254 |
| 4.13 | Rumusan | 261 |
| 5 | SOSIALISASI POLITIK DAN TAHAP PENYERTAAN POLITIK | 262 |
| 5.1 | Pengenalan | 262 |
| 5.2 | Perhubungan Antara Tahap Sosialisasi Politik Dengan Tahap Penyertaan Politik Responden | 263 |
| 5.2.1 | Taburan Tahap Sosialisasi Politik Dimensi Masa Lampau Dengan Tahap Penyertaan Politik Responden | 264 |
| 5.2.2 | Taburan Tahap Sosialisasi Politik Dimensi Keluarga Dengan Tahap Penyertaan Politik | 266 |
| 5.2.3 | Taburan Tahap Sosialisasi Politik Dimensi Pembelajaran Dengan Tahap Penyertaan Politik Responden | 269 |
| 5.2.4 | Taburan Tahap Sosialisasi Politik Dimensi Pekerjaan Dengan Tahap Penyertaan Politik Responden | 274 |
| 5.2.5 | Kesan Sosialisasi Politik Dimensi Media Terhadap Tahap Penyertaan Politik | 276 |
| 5.3 | Perbezaan Penyertaan Politik Mengikut Tahap Sosialisasi Masa Lampau, Keluarga, Pembelajaran, Pekerjaan dan Media | 280 |
| 5.3.1 | Perbezaan Penyertaan Politik Mengikut Tahap Sosialisasi Masa Lampau | 281 |
| 5.3.2 | Perbezaan Penyertaan Politik Mengikut Tahap Sosialisasi Keluarga | 282 |
| 5.3.3 | Perbezaan Tahap Penyertaan Politik Mengikut Tahap Sosialisasi Pembelajaran | 284 |
| 5.3.4 | Perbezaan Tahap Penyertaan Politik Mengikut Tahap Sosialisasi Pekerjaan | 288 |
| 5.3.5 | Perbezaan Tahap Penyertaan Politik Mengikut Tahap Sosialisasi Media | 291 |
| 5.4 | Rumusan | 294 |
| 6 | KESIMPULAN | 296 |
| 6.1 | Penemuan Kajian | 296 |
| 6.2 | Rumusan | 300 |
| BIBLIOGRAFI | | 306 |
| BIODATA PENULIS | | 316 |
| LAMPIRAN | | 317 |

SENARAI JADUAL

| Jadual | Halaman |
|--|----------------|
| Jadual 1.1: Jenis-jenis Budaya Politik | 40 |
| Jadual 2.4: Dimensi-dimensi Orientasi Politik | 113 |
| Jadual 4.1: Taburan Responden Mengikut Sektor Pekerjaan | 158 |
| Jadual 4.2: Sektor Pekerjaan Pasangan Responden | 159 |
| Jadual 4.3: Sektor Pekerjaan Bapa Responden | 160 |
| Jadual 4.4: Pendapatan Responden | 161 |
| Jadual 4.5: Responden Mengikut Jantina | 163 |
| Jadual 4.6: Responden Mengikut Umur | 163 |
| Jadual 4.7: Negeri Asal Responden | 164 |
| Jadual 4.8: Taburan Jenis Tempat Lahir Responden | 165 |
| Jadual 4.9: Kelulusan Akademik Responden | 165 |
| Jadual 4.10: Aliran Pendidikan Responden | 167 |
| Jadual 4.11: Taraf Perkahwinan Responden | 169 |
| Jadual 4.12: Jenis Pemilikan | 169 |
| Jadual 4.13 : Keahlian Parti | 171 |
| Jadual 4.14: Tahap Sosialisasi Politik Dimensi Masa Lampau | 174 |
| Jadual 4.15 : Persetujuan Responden Dalam Dimensi Masa Lampau | 177 |
| Jadual 4.16: Tahap Penglibatan Ibu Bapa Responden Di Dalam Politik | 181 |
| Jadual 4.17: Kekerapan Ibu Bapa Responden Terlibat Di Dalam Kegiatan Politik | 184 |
| Jadual 4.18: Pengaruh Parti Politik Ibu Bapa Kepada Parti Politik Responden | 188 |
| Jadual 4.19: Persekutaran Pembelajaran | 191 |

| | |
|---|-----|
| Jadual 4.20: Persetujuan Responden Dalam Penglibatan Di Sekolah Menengah dan Institusi Pengajian Tinggi | 194 |
| Jadual 4.21: Lokasi Sekolah Menengah Responden | 200 |
| Jadual 4.22: Jawatan Yang Disandang Semasa Persekolahan Menengah | 202 |
| Jadual 4.23: Persekutaran Pekerjaan | 205 |
| Jadual 4.24: Persetujuan Responden Terhadap Persekutaran Pekerjaan | 206 |
| Jadual 4.25: Peranan Media Dalam Sosialisasi | 211 |
| Jadual 4.26: Tahap Kekerapan Menerima Maklumat Politik Daripada Media | 211 |
| Jadual 4.27: Penilaian Responden terhadap Aspek Kerajaan, Polisi Ekonomi dan Politik. | 219 |
| Jadual 4.28: Penilaian Responden Terhadap Sistem Perlembagaan Malaysia | 220 |
| Jadual 4.29: Penilaian Terhadap Corak Kerajaan Dan Politik Malaysia | 222 |
| Jadual 4.30: Penilaian Terhadap Jentera Pentadbiran Kerajaan | 223 |
| Jadual 4.31: Penilaian Responden Terhadap Sistem Ekonomi Malaysia | 225 |
| Jadual 4.32: Penilaian Responden Terhadap Polisi-Polisi Ekonomi Kerajaan | 226 |
| Jadual 4.33: Dasar Ekonomi Baru (DEB) Untuk Membasmi Kemiskinan Dan Menyusun Semula Masyarakat | 228 |
| Jadual 4.34: Penilaian Responden Terhadap Sistem Dan Dasar Pendidikan | 229 |
| Jadual 4.35: Penilaian Responden Terhadap Kestabilan Politik | 230 |
| Jadual 4.36: Penilaian Responden Terhadap Kebebasan Beragama | 232 |
| Jadual 4.37: Penilaian Responden Terhadap Hak Dan Kebebasan Individu | 233 |
| Jadual 4.38: Tahap Pengetahuan Politik | 235 |
| Jadual 4.39: Mendengar Ceramah Politik | 237 |
| Jadual 4.40: Mendengar Kaset/CD Politik | 238 |
| Jadual 4.41: Menghadiri Perhimpunan-Perhimpunan Politik | 239 |
| Jadual 4.42: Kekerapan Menghadiri Persidangan/Seminar Politik | 241 |

| | |
|---|-----|
| Jadual 4.43: Mendengar Berita-Berita Politik Dari Televisyen | 242 |
| Jadual 4.44 Membaca Berita Politik Dari Akhbar-Akhbar Utama | 244 |
| Jadual 4.45: Membaca Berita Politik Dari Akhbar-Akhbar Parti | 246 |
| Jadual 4.46: Melawat Laman Web Parti Politik | 247 |
| Jadual 4.47: Sentiasa Berusaha Mendapatkan Maklumat Terkini Mengenai Politik Semasa | 249 |
| Jadual 4.48: Mengikuti Perkembangan Parti Di Peringkat Cawangan | 251 |
| Jadual 4.49: Mengikuti Perkembangan Parti Di Peringkat Bahagian | 252 |
| Jadual 4.50: Mengikuti Perkembangan Parti Di Peringkat Pusat | 254 |
| Jadual 4.51: Penglibatan Dalam Politik | 256 |
| Jadual 4.52: Tahap Kekerapan Penglibatan Responden Dalam Politik | 259 |
| Jadual 5.1: Perhubungan Antara Tahap Sosialisasi Politik Dimensi Masa Lampau, Keluarga, Pembelajaran, Pekerjaan dan Media Dengan Penyertaan Politik | 264 |
| Jadual 5.2: Perhubungan Antara Tahap Sosialisasi Politik Dimensi Masa Lampau Dengan Tahap Penyertaan Politik | 265 |
| Jadual 5.3: Perhubungan Antara Tahap Sosialisasi Politik Dimensi Keluarga Dengan Tahap Penyertaan Politik | 268 |
| Jadual 5.4: Perhubungan Antara Tahap Sosialisasi Politik Dimensi Pembelajaran Dengan Tahap Penyertaan Politik | 273 |
| Jadual 5.5: Tahap Sosialisasi Politik Dimensi Pekerjaan Dengan Tahap Penyertaan Politik | 275 |
| Jadual 5.6: Tahap Sosialisasi Politik Dimensi Media Dengan Tahap Penyertaan Politik | 279 |
| Jadual 5.7: Perbezaan Penyertaan Politik Mengikut Tahap Sosialisasi Masa Lampau, Keluarga, Pembelajaran, Pekerjaan dan Media | 281 |
| Jadual 5.8: Purata Skor Penyertaan Politik Bagi Dimensi Sosialisasi Masa Lampau | 282 |
| Jadual 5.9: Purata Skor Penyertaan Politik Bagi Dimensi Sosialisasi Keluarga | 285 |
| Jadual 5.10: Purata Skor Penyertaan Politik Bagi Dimensi Sosialisasi Pembelajaran | 287 |

| | |
|--|-----|
| Jadual 5.11: Purata Skor Penyertaan Politik Bagi Dimensi Sosialisasi Pekerjaan | 290 |
| Jadual 5.12: Purata Skor Penyertaan Politik Bagi Dimensi Media | 293 |

SENARAI RAJAH

| Rajah | Halaman |
|---|----------------|
| Rajah 1:Model Kajian | 39 |
| Rajah 2: Peta Shah Alam, (Pelan Warta 1190- Jan 1997) | 66 |
| Rajah 3: Model Sosialisasi Politik Rush dan Althorff | 96 |
| Rajah 4: Model Sosialisasi Beck | 99 |

SENARAI SINGKATAN PERKATAAN

| | |
|--------|--|
| AUKU | Akta Universiti dan Kolej Universiti |
| BNM | Bank Negara Malaysia |
| DEB | Dasar Ekonomi Baru |
| FELDA | Federal Land Development Authority. |
| FELCRA | Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority. |
| HEP | Hal Ehwal Pelajar |
| MARA | Majlis Amanah Rakyat |
| MAS | Malay Administrative Service |
| MBSA | Majlis Bandaraya Shah Alam |
| MCS | Malayan Civil Service |
| MCKK | Malay College Kuala Kangsar |
| MPSA | Majlis Perbandaran Shah Alam |
| MU | Malayan Union |
| PBB | Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu |
| PBT | Pihak Berkuasa Tempatan |
| PKNS | Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor |
| PTPL | Pusat Pendidikan Tinggi dan Pengurusan Lanjutan |
| SITC | Sultan Idris Training College |
| UM | Universiti Malaya |
| UIS | Universiti Industri Selangor |
| UiTM | Universiti Teknologi Mara |
| UKM | Universiti Kebangsaan Malaysia |
| UPM | Universiti Putra Malaysia |

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Sejarah telah menunjukkan bahawa kemunculan kelas menengah telah menyebabkan berlakunya perubahan yang besar di dalam sistem politik, nilai, ekonomi dan sosial sesebuah negara. Kelas menengah ini telah menjadi penggerak utama dalam membangkang dan meruntuhkan sistem politik dan ekonomi monopolistik feudal pada abad ke 19. Revolusi Perancis, Jerman dan pergerakan anti-autoritarianisme Inggeris oleh usahawan-usahawan kelas menengah di negara-negara berkenaan adalah antara peristiwa-peristiwa sejarah yang telah menyebabkan berlakunya perubahan drastik di dalam sistem ekonomi dan politik (Batra R.N, 1978: 24-25; Knupffer G., 1975: 147-152; Fink H., 1992: 24-31; McNeill, 1994: 692-704). Kesedaran dan gerakan kelas menengah ini bukan sahaja memberi kesan di negara berkenaan, malah ianya merebak ke seluruh dunia. Selain itu, kelas menengah ini juga telah berjaya mendesak kerajaan dan pemerintah merubah struktur perundangan, pentadbiran, ekonomi dan sosial bagi melindungi kepentingan mereka di samping memperjuangkan kepentingan masyarakat.

Apakah status kelas menengah ini telah mempengaruhi kesedaran, sikap dan gaya hidup serta nilai yang dipegang oleh mereka di dalam kehidupan seharian termasuk di dalam aktiviti-aktiviti dan kegiatan politik? Apakah proses

sosialisasi yang telah dilalui oleh kelas ini yang telah menyebabkan mereka terlibat di dalam kegiatan-kegiatan politik dan seterusnya sanggup memainkan peranan di dalam gerakan politik di sesebuah negara? Mills (1951:290) dalam kajiannya mendapati kelas menengah mempunyai kecederungan untuk meningkatkan keanggotaan dan penyertaan politik serta menonjolkan identifikasi politik mereka yang tersendiri. Dalam perkara ini, kelas menengah akan menggantikan kelas-kelas sosial yang lainnya sebagai kelas yang bakal menguasai masyarakat moden. Selain itu, kelas menengah akan sentiasa berusaha untuk menambah bilangan anggota dan seterusnya meningkatkan penguasaan politik di dalam sesuatu sistem politik. Dalam aspek penguasaan politik ini, kelas menengah memainkan peranan yang penting dalam menentukan pembahagian kuasa di dalam kelas-kelas di dalam sesebuah masyarakat. Anggota kelas menengah akan mengambil alih peranan yang dimainkan oleh kelas menengah lama atau golongan feudal, seterusnya akan mengubahsuaikan peranan mereka supaya dapat diaplikasikan dalam kehidupan bermasyarakat bersesuaian dengan keinginan dan kehendak mereka. Johnson (1985) mendapati bahawa peranan yang dimainkan oleh kelas menengah adalah amat penting dan mereka merupakan antara penentu utama corak kepimpinan politik di sesebuah negara terutamanya di negara-negara dunia ketiga. Beliau menambah lagi dengan mengatakan kewujudan kelas menengah sebagai sesuatu yang mencetuskan perubahan sosial.(Johnson, 1985).

Bilangan ahli yang kian bertambah dan wujudnya kesedaran serta persamaan dikalangan kelas menengah bahawa mereka boleh berperanan dalam

mengerakan masyarakat, maka kelas menengah ini mula berusaha untuk meningkatkan penglibatan mereka dalam masyarakat termasuklah politik. Dengan kedudukan, keupayaan dan kebolehan kelas ini berusaha untuk melakukan perubahan-perubahan di dalam struktur sosial, politik dan ekonomi yang ada, terutamanya untuk meningkat dan menambah peranan kumpulan kelas menengah di dalam struktur politik, ekonomi dan sosial yang ada pada ketika itu. Perubahan-perubahan dan peranan ini menjadikan kumpulan kelas menengah ini sebagai agen perubahan yang penting kepada sesebuah masyarakat berkenaan. Dengan kata lainnya, kelas menengah di sesebuah negara itu merupakan agen perubahan sosial yang penting dalam segenap peringkat kehidupan bermasyarakat termasuklah politik. Selain daripada itu, kelas menengah ini juga berusaha untuk meningkatkan kesedaran tentang ciri-ciri persamaan yang ada dikalangan mereka yang boleh dijadikan sebagai agen penyatuan dan seterusnya menjadi penggerak ke arah kesedaran kelas. Perkara ini adalah sebagaimana yang diutarakan oleh Giddens (1973) yang mengemukakan persoalan tentang kesedaran kelas yang berasaskan kepada persamaan-persamaan anggota di dalam kelas berkenaan. Persamaan-persamaan yang ada pada anggota-anggota di dalam kelas berkenaan akan mewujudkan kesedaran kelas berkenaan dan hal ini termasuklah kepada kelas menengah. Kesedaran berkenaan beransur-ansur mewujudkan satu “*revolutionary class consciousness*”. Giddens (1973:111) menggambarkan keadaan ini sebagai

Recognition of the possibility of an overall reorganization in the institutional mediation of power and a belief that such a reorganization can be brought about by class action.

Dengan wujudnya kesedaran kelas keupayaan kelas ini terutamanya kelas menengah, maka mereka telah memainkan peranan mereka sebagai agen perubahan dan penggerak kepada sesebuah masyarakat. Kesedaran kelas ini berpunca daripada proses sosialisasi yang telah dilalui oleh kelas berkenaan oleh agen-agen yang ada disekeliling mereka yang membentuk pandangan sikap dan nilai mereka terhadap apa yang ada di sekeliling mereka. Dengan adanya kesedaran inilah, kelas ini menggerakkan masyarakat yang ada disekeliling mereka ke arah yang lebih baik lagi.

Kesedaran tentang fungsi dan peranan sebagai agen pemodenan, perubahan dan pembaharuan kepada masyarakat bukan sahaja terjadi di negara-negara maju semata-mata, tetapi fenomena ini juga merebak ke negara-negara sedang membangun dan negara-negara dunia ketiga termasuklah Malaysia. Kelas menengah, terutamanya kelas menengah Melayu telah memainkan peranan yang besar dalam merubah, mencorak dan membangunkan struktur politik Malaysia. Kesedaran tentang peranan kelas ini dalam masyarakat adalah hasil daripada perubahan-perubahan yang berlaku disekeliling mereka yang telah mencorakkan pemikiran dan tindakan mereka terhadap keadaan yang sedang dihadapi. Perubahan dan kesedaran kelas ini berubah dari semasa ke semasa. Pada zaman kesultanan Melayu, kelas ini mempunyai peranan mereka yang tersendiri dan apabila kuasa penjajahan masuk, peranan mereka juga mengalami perubahan dan ianya semakin meningkat apabila negara mencapai kemerdekaan daripada kuasa-kuasa penjajahan. Kelas menengah ini penting sebagai agen perubahan, pembaharuan dan pemodenan masyarakat adalah kerana keupayaan intelektual, ekonomi, kedudukan sosial dan kebolehan-

kebolehan yang tertentu yang dimiliki oleh mereka. Dengan kesedaran dan keupayaan inilah mereka menjadi agen yang dominan dan penting dalam masyarakat. Peranan kumpulan ini masih penting di dalam mencorakkan nilai, ekonomi, pentadbiran dan politik di Malaysia hari ini dan pada masa akan datang. Dalam perspektif yang lain, kelas menengah Melayu terutamanya kelas menengah Melayu bandar kian bertambah dan akan bertambah dari semasa ke semasa selaras dengan perkembangan negara. Memandangkan bertapa pentingnya kumpulan ini dalam masyarakat dan struktur politik Malaysia, adalah wajar mengetahui kedudukan kumpulan ini terutamanya proses sosialisasi yang telah mereka lalui dan kesannya ke atas politik Malaysia hari ini dan impaknya pada masa-masa akan datang.

Bagi tujuan kajian ini, penulis akan menggunakan beberapa kriteria untuk mengenal pasti kelas menengah Melayu di Shah Alam. Kriteria pertama yang digunakan ialah pekerjaan iaitu akan diambil kira pegawai dan kakitangan kerajaan dalam tingkatan pengurusan dan profesional mengikut skim Sistem Saraan Baru atau mereka yang berada dalam Gred 41 dan ke atas sebagai mewakili kelas menengah. Sementara bagi pekerja swasta, pula ialah mereka yang berada di tahap pengurusan syarikat. Kriteria kedua yang digunakan ialah pendidikan iaitu mereka yang sekurang-kurangnya mendapat pendidikan tahap diploma atau yang setaraf dengannya ke atas. Ketiga, mereka yang mempunyai pendapatan bulanan sekurang-kurangnya RM1,500 sebulan. Keempat, mereka yang tinggal di dalam rumah yang selesa (samada menyewa atau rumah sendiri) yang menikmati kemudahan-kemudahan yang tertentu yang boleh mencirikan kehidupan moden dan status di dalam masyarakat.